

Newspaper

Berita Harian

Date

12 February 2016



**Najib
disambut
pegawai
kanan
Kedutaan
Malaysia
setiba
di hotel
penginapan
di Los
Angeles,
semalam.**
(FOTO
BERNAMA)

Pemukiman erat kerjasama strategik

BH- 12/2/2016

» Najib dijangka
sampaikan
ucapan
pembukaan

SIDANG KEMUNCAK PEMIMPIN ASEAN-AS 2016

Abdul Jalil Hamid
jalil@nstp.com.my



Los Angeles

Sunnylands kerap dirujuk sebagai Kem David pantai barat Amerika Syarikat (AS), lokasi pertemuan pemimpin nasional dan asing bagi sidang kemuncak serta pemukiman yang diadakan dalam suasana santai.

Presiden AS, Barack Obama, menjadikan lokasi itu untuk menemui Presiden China, Xi Jinping, pada 2013 – pertemuan yang mendapat nama jolokan *shirtsleeves summit*, iaitu mesyuarat dalam suasana tidak formal.

Di luar kelaziman, Obama akan menyambut ketibaan 10

pemimpin ASEAN bagi menghadiri Sidang Kemuncak Pemimpin ASEAN-AS yang julung kali diadakan di kawasan seluas 80 hektar itu pada 15 dan 16 Februari ini.

Duta Malaysia ke AS, Datuk Dr Awang Adek Hussin, menyifatkannya sebagai pendekatan yang merapatkan hubungan ASEAN-AS ke arah pembentukan kerjasama strategik.

Obama dan Najib tiba di California semalam bagi menghadiri sidang kemuncak berkenaan bersama sembilan rakan sejawatan dari ASEAN.

Awang Adek berkata, pendekatan Obama terhadap ASEAN dan pemimpinnya disifatkan sebagai luar biasa.

“Obama hanya mahukan Sunnylands dan itu ketetapanannya. ASEAN penting seperti China.

“Obama selesa bersama ASEAN. Tumpuan yang diberi oleh pentadbiran Obama ter-

hadap Asia (atau imbalan semula terhadap Asia) terutama ASEAN akan menjadi antara legasinya,” katanya kepada wartawan Malaysia semalam.

Antara Presiden Amerika paling popular pada peringkat antarabangsa, banyak yang telah dilakukan Obama dalam meletakkan Asia dan ASEAN sebagai sebahagian daripada pengisian dasar luar AS sepanjang dua penggal pentadbirannya.

Pada Sidang Kemuncak ASEAN di Kuala Lumpur pada November tahun lalu, Obama memutuskan untuk meningkatkan hubungan ASEAN-AS dan mengundang pemimpin 10 negara anggota bagi menghadiri sidang kemuncak yang buat pertama kalinya diadakan di AS.

Lonjak legasi Obama

Ia akan melonjakkan legasi Obama dan menjadi asas ke-

rangka institusi ASEAN-AS apabila beliau mengakhiri penggal perkhidmatannya, awal tahun depan.

“Keadaan tidak akan berubah tanpa mengira siapa pengantinya sebagai presiden,” kata Awang Adek.

Najib dijadual menyampaikan ucapan pembukaan sidang kemuncak itu pada 15 Februari, selepas ucapnama oleh Obama dan Perdana Menteri Laos, Thongsing Thammavong selaku Pengerusi ASEAN.

Tiga sesi tertutup dijadual berlangsung, termasuk majlis makan malam rasmi pada 15 Februari yang hanya dihadiri pemimpin ASEAN dan seorang menteri pengiring bagi setiap negara.

Kenyataan bersama

Kenyataan bersama akan dikeluarkan pada akhir sidang kemuncak. Obama akan mengadakan sidang media sebagai penutup sidang kemuncak, disusuli sesi bergambar bersama pemimpin ASEAN.

Sidang kemuncak Sunnylands diadakan sebaik AS, Malaysia dan 10 negara lain menandatangani Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) pada 4 Februari lalu di Auckland, New Zealand, sekali gus mewujudkan ruang perdagangan bebas terbesar di dunia.

Negara anggota lain yang menyertai TPPA ialah Brunei, Singapura dan Vietnam. Tiga negara lagi (Indonesia, Filipina dan Thailand) turut menyuarakan hasrat untuk menandatangani perjanjian itu.

Antara agenda yang menanti di Sunnylands termasuk isu berkaitan keamanan, keselamatan dan kemakmuran.

Selain itu, isu maritim terutama yang membabitkan pergerakan bebas di Laut China Selatan dan tuntutan bertindih akan dibincangkan.

Beberapa negara ASEAN kerap bertelagah dengan China berhubung perebutan wilayah di Laut China Selatan.

Bagaimanapun, pegawai Jabatan Negara AS menegaskan Sidang Kemuncak ASEAN-AS ‘bukan bersikap anti-China.’